



Yayasan Waqaf Malaysia (PPAB-02/2008)

YAYASAN WAQAF MALAYSIA

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan berkelayakan bagi mengisi jawatan kosong di Yayasan Waqaf Malaysia (YWM).

1. Jawatan : **PENOLONG JURUTERA (GRED N29)**
2. Bilangan kekosongan : Satu
3. Taraf Jawatan : Kontrak
4. Gaji Ditawarkan :
 - Gaji Pokok : RM1,493.00
 - Elaun Tetap Perumahan: RM300.00
 - Elaun Sara Hidup : RM350.00
 - Elaun ITKA : RM160.00
5. Syarat Lantikan :
 - Diploma dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - Sijil dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
 - lulus Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
 - memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan.

6. Diskripsi tugas : • Melapor kepada Eksekutif Unit Pembangunan dan Pengurusan Aset;
- Membantu memastikan semua program yang dirancang di bahagian dilaksanakan mengikut peruntukan yang diluluskan;
 - Membantu eksekutif menyedia dan mengemaskini belanjawan bahagian atau kos yang terlibat bagi sesuatu projek;
 - Membantu mengumpul data-data dan maklumat maklumat awalan untuk asas projek bagi reka bentuk projek wakaf yang akan/ telah dilaksanakan;
 - Membantu menyemak lukisan kejuruteraan bagi projek wakaf yang akan atau telah dilaksanakan dengan menggunakan CAD termasuk lukisan cadangan rekabentuk konsep, rekabentuk awalan, rekabentuk terperinci, pelan pengambilan balik tanah, lukisan jajaran jalan dan lain-lain;
 - Membantu mengumpul, merekod, menyimpan dan mengawal dokumentasi yang berkaitan dengan lukisan kerja, lukisan terbina (*as built*), manual operasi dan penyenggaraan serta bahan-bahan rujukan teknikal;
 - Membantu merancang dan melakar susunan tataletak bangunan infrastruktur untuk cadangan projek-projek wakaf;
 - Membantu menyediakan Ringkasan Tawaran, Penentuan Kerja Tambahan dan lukisan-lukisan piawai yang berkaitan untuk proses pelawaan;
 - Membantu membuat analisa data dan pengiraan

bagi penentuan konsep rekabentuk asas;

- Membantu di dalam menyemak lukisan kejuruteraan awam yang disediakan oleh JKR/Konsultan yang dilantik;
- Menghadiri mesyuarat, mencatat dan menyediakan minit mesyuarat jika diarahkan; dan
- Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

CARA MEMOHON

- a) Permohonan hendaklah dibuat dengan menghantar resume yang lengkap dengan gambar dan salinan dokumen-dokumen yang disahkan oleh Pegawai yang berkelayakan. Sila nyatakan jawatan yang dipohon di sudut atas sebelah kiri sampul surat.
- b) Permohonan hendaklah disampaikan kepada:
**Bahagian Pengurusan
Yayasan Waqaf Malaysia
Aras 8, Blok D
Kompleks Islam Putrajaya
Jalan Tun Abdul Razak, Presint 3
62100 Putrajaya.**
- c) Tarikh tutup iklan ialah pada **12 Februari 2024 (Isnin)**.

CATATAN AM

- a) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil temuduga.
- b) Pemohon yang tidak menerima jawapan selepas tempoh 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- c) Hanya calon-calon yang berjaya dalam urusan temuduga akan dimaklumkan.

PENAFIAN

Iklan jawatan kosong ini semata-mata untuk tujuan pelawaan sahaja dan tidak membentuk sebarang komitmen yang mengikat dengan mana-mana pihak. YWM tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kekeliruan mengenai maksud iklan jawatan kosong ini. Keputusan pengambilan pekerjaan adalah sepenuhnya bergantung kepada Pengurusan YWM.